

07/09/2003

Hadi Awang mula bersandiwara

KUALA TERENGGANU: Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang semalam mendakwa gelaran `syaitan bisu' lebih dikhususkan kepada ulama Umno dan bukannya polis kerana polis hanya menjadi pelaksana undang-undang melalui tindakan.

Beliau mendakwa ulama Umno sering berdiam diri jika membabitkan kekeliruan dalam isu agama dan lebih senang mendengar pemimpin bercakap dulu sebelum membuat kenyataan.

Katanya, ulama Umno mengambil sikap membisu dengan tidak menjelaskan perkara sebenar termasuk kekeliruan dalam pelaksanaan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Terengganu (Hudud dan Qisas).

"Saya rasa mungkin beliau (Perdana Menteri) tidak faham keseluruhan ucapan saya (dalam sidang Dewan Undangan Negeri), yang disiarkan hanya petikan bukannya secara keseluruhan. Jika dilihat, lawan perkataan bisu ialah bercakap, polis tidak bercakap.

"Polis bukan tujuan untuk jadi jurucakap, polis ialah pelaksana undang-undang melalui tindakan, bukan bercakap," katanya yang ditemui di majlis Ijtimak Pas peringkat negeri, di Tok Jembal, dekat sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menganggap cacian `syaitan bisu' yang dilemparkan Abdul Hadi terhadap polis sebagai suatu yang melampau.

Perdana Menteri berkata, dakwaan Abdul Hadi pada sidang Dewan Undangan Negeri, Rabu lalu mencerminkan sikap pemimpin Pas itu sendiri.

Abdul Hadi mendakwa ulama Umno tidak mencegah kemungkaran termasuk kewujudan kasino, judi, maksiat dan aktiviti di Dataran Merdeka yang diadakan sempena sambutan ambang merdeka yang haram dari segi Islam.

Selain itu, beliau turut mendakwa ulama Umno sering membisu atas tindakan yang dikenakan kepada golongan agama seperti pemberhentian Mufti Selangor, Datuk Ishak Baharom.

Katanya, mencegah kemungkaran dibuat mengikut peringkat iaitu dalam bentuk tindakan undang-undang, memberi nasihat atau rasa benci dalam hati.

Beliau berkata, tindakan undang-undang adalah bidang kuasa polis, manakala tindakan memberi nasihat adalah tanggungjawab golongan yang bercakap.

"Orang yang bercakap tetapi tidak bercakap, tidak memberi pandangan, tidak memberi nasihat, mereka itu adalah syaitan bisu. Ulama Umno adalah syaitan bisu, itu lebih tepat bukannya polis, polis bukan tukang bercakap, polis berkait dengan tindakan," katanya.

Abdul Hadi berkata, kerjasama kerajaan negeri dengan polis kini bertambah baik dan jelas jelas polis sudah melaksanakan tugas.

Katanya, tugas polis terganggu bukan disebabkan dasar polis, tetapi disebabkan bekas Ketua Polis Terengganu, Deputy Komisioner I, Datuk Othman Talib yang kini Ketua Polis Pulau Pinang menyalah tafsirkan peranan polis.

Beliau berkata, dasar polis adalah mengikut Akta Polis.

"Mengenai bekas ketua polis negeri, saya sudah sebut itu dalam lipatan sejarah, saya baru berjumpa dengan ketua polis negeri, dengan pemangku pun saya sudah jumpa, kerjasama sudah wujud," katanya.